

**"Saya Belum Terima Maklumat Wujudnya Pengaruh Penganas Dalam Parti Politik" – Hishammuddin Bernama
20 Julai, 2012**

SHAH ALAM, 20 Julai (Bernama) -- Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata setakat ini beliau tidak menerima maklumat wujudnya pengaruh penganas dan bekas komunis meresapi mana-mana parti politik di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan terus memantau dan melakukan risikan bagi mengesan sekiranya wujud perkara seperti itu.

"Setakat ini saya tiada terima maklumat hubungkait dengannya...jadi saya tidak boleh menyatakan ia benar," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor di sini Jumaat.

Sebarang maklumat mengenai ancaman itu tidak boleh didedahkan kepada umum sehingga siasatan selesai, katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pendedahan polis bahawa terdapat penganas Jemaah Islamiah (JI) dan individu yang pernah dikaitkan dengan gerakan komunis berusaha meresapi parti pembangkang selain cuba menjadi calon pada Pilihan Raya Umum akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682198>

